

30/03/2002

Langkah bersepadu tangani cetak rompak

PENGISYTIHARAN perang secara besar-besaran oleh penggiat industri muzik tanah air terhadap kegiatan cetak rompak sejak 1985 dan hangat semula pada 1997 nyata tidak memberi kesan. Itulah sebabnya mereka yang terbabit dalam industri muzik tanah air sendiri menjangka jika kerajaan tidak mengambil langkah lebih serius membanteras kegiatan ini yang menguasai 70 peratus pasaran album tempatan, industri muzik tempatan akan berkubur tahun depan. Cetak rompak adalah punca utama yang mengancam industri muzik hingga pasaran album, terutama keluaran tempatan menjadi lembap dan banyak syarikat rakaman gulung tikar. Itulah juga sebabnya penyanyi paling popular negara Siti Nurhaliza yang tidak terkecuali dari menjadi mangsa cetak rompak ini, begitu sebak memikirkan nasib penyanyi tempatan hingga merayu campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menanganinya. Apakah masalah begini pun memerlukan sentuhan Perdana Menteri baru dapat diatasi?

Diakui pasaran jualan album merudum telah memberi kesan kepada muzik dan artis rakaman kerana ia saling berkait. Mengikut kajian yang dijalankan industri muzik, pasaran jualan album tempatan mencatatkan kejatuhan ketara iaitu daripada 80 juta pada 1996 menjunam kepada 20 juta pada 2000. Kesannya, jika pada 1996 lebih 200 artis berdaftar dan mengikat kontrak dengan syarikat rakaman, jumlah itu menurun kepada hanya 100 orang artis saja pada 1999. Bagaimanapun, agak menghairankan bagaimana 43 kilang pencetak CD boleh wujud dan diluluskan kerajaan, sedangkan pasaran muzik tempatan hanya memerlukan empat kilang saja untuk memenuhi keperluan semasa.

Dalam mendepani soal ini, mereka yang terbabit dalam industri muzik, kerajaan dan orang ramai perlu mengambil langkah bersepadu, khususnya menanganinya pada peringkat akar umbi dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing tanpa menuding jari mencari kesalahan pihak lain. Kerajaan melalui penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna dan agensi lain sudah mengambil tindakan membasminya ke paras maksimum tetapi penjualan VCD dan CD tiruan masih laris. Berpuluh kilang mengeluarkan VCD dan CD cetak rompak sudah diambil tindakan, beratus stor pemborong diserbu dan lebih 11,000 kes dicatatkan dalam tempoh dua tahun lalu. Namun, kesan terhadap mereka yang mengeluarkan rakaman cetak rompak boleh dipersoalkan. Usaha membanteras kegiatan cetak rompak ini perlu dilaksanakan secara terus menerus tidak hanya secara bermusim.

Bagi pengeluar album, mereka tidak perlu terlalu memikirkan soal keuntungan dan enggan menurunkan harga album dengan memberi alasan terpaksa menanggung kos promosi, penyelidikan dan kos menghasilkan karya yang semakin meningkat. Bagi pengguna, kewujudan banyak sumber hiburan percuma seperti percambahan stesen radio dan televisyen memungkinkannya mereka tidak lagi perlu membeli album penyanyi. Bagaimanapun, belum ada kajian yang menunjukkan kewujudan sumber hiburan percuma menjejaskan jualan album artis. Demi memastikan industri hiburan negara terus kukuh dan tidak berkubur seperti yang berlaku kepada Singapura yang kini hanya wujud syarikat mengedarkan album dan bukan syarikat rakaman, sewajarnya usaha konkrit dilakukan kerajaan untuk menanganinya. Mungkin ia memerlukan sentuhan Perdana Menteri juga akhirnya. Bagaimanapun, tugas ini tidak seharusnya dipikul kerajaan semata-mata, kerana pihak yang terbabit industri hiburan dan karyawan, termasuk Persatuan Penyanyi Tanah Air (Papita) juga ada peranan untuk memastikan perkara buruk dapat dihapuskan.

(END)